

Siri Bimbingan Remaja

**MENGETAHUI  
&  
MELAKUKAN KEHENDAK  
*Tuhan***



## Mengetahui & Melakukan Kehendak Tuhan Dalam kerjaya, panggilan, membujang dan berkahwin

Tajuk	: Mengetahui & Melakukan Kehendak Tuhan
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre ([www.reconre.org](http://www.reconre.org)). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

## Mengetahui & Melakukan Kehendak Tuhan

Dalam kerjaya, panggilan, membujang dan berkahwin

### A. Prinsip-Prinsip Umum Dalam Mencari Kehendak Tuhan

**M**engetahui dan melakukan kehendak Tuhan bukan sahaja suatu perkara yang nyata, tetapi ia juga adalah suatu kegembiraan, walaupun ia mungkin melibatkan kesengsaraan dan jerih payah. Buku ini ditulis dengan harapan untuk membangkitkan selera anda bagi mengetahui kehendak Tuhan dalam hidup individu dan bermasyarakat anda. Kami hanya mampu untuk memberikan beberapa garis panduan kerana kehendak Allah sangat lebar dan luas. Semuanya terpulang kepada para pembaca untuk bersekutu dengan Allah sendiri serta melakukan perkara yang disampaikan-Nya setiap hari.

#### **Ingatlah!**

*Ada perkara-perkara yang Allah telah bicara dan tidak ada sesiapa pun yang boleh mempertikaikan.*

Kehendak Tuhan bukan bergantung kepada betapa jelasnya ia disampaikan tetapi betapa taatnya kita untuk tunduk mematuhi-Nya. Sebagai contoh, Allah menghendaki kita untuk mengasihi satu sama lain seperti Yesus telah

menyayangi kita.

### Ingatlah!

*Namun demikian, ada juga perkara-perkara di mana para pembaca harus mencari, membaca, menyoal, menunggu, berpuasa dan berdoa, jika mereka benar-benar ingin mengetahui rancangan khusus Allah bagi keperluan mereka yang tertentu. Ini boleh dilakukan melalui prinsip-prinsip mencari kehendak Allah secara umum. Contohnya, "kursus apakah yang harus saya ambil selepas Tingkatan 5?"*

Allah mahu kita untuk menjadi yang terbaik bagi-Nya, tanpa mengira samada kita kaya atau miskin, lepasan graduan ataupun yang terkandas di tengah jalan, kelihatan sederhana atau tampan, tua atau muda. Oleh yang demikian, kita harus menjadikan kebenaran ini sebagai keutamaan setiap kali kebingungan bagi arah tujuan yang Dia berikan melanda.

Berikut adalah prinsip-prinsip yang diambil daripada buku Dr. John White, *The Fight*.<sup>1</sup>

**1** Allah akan memimpin kita jika kita mencari Dia dengan penuh kerendahan hati

*"TUHAN itu baik dan benar; sebab itu Dia menunjukkan jalan kepada orang yang sesat. Dia membimbing orang-orang yang rendah hati menurut hukum, dan Dia mengajarkan jalan-Nya kepada orang-orang yang rendah hati."* Mazmur 25:8-9

Kita harus memiliki sikap kerendahan diri jika kita ingin mengetahui kehendak Allah bagi mana-mana bahagian di dalam hidup kita. Kita harus mengakui bahawa pengetahuan kita terhad. Hanya Allah sahaja yang mengetahui segalanya. Kita harus rindu untuk mahu berkongsi pandangan, mematuhi serta mempercayai kebaikan Allah Bapa.

Pandangan seperti ini adalah bertentangan dengan arus dunia. Tanpa sebarang jaminan, dunia mengajar kita untuk menentukan kemahuan kita, bertekad dan berusaha untuk mendapatkannya jika kita ingin memperbaharui diri di zaman ini. Media massa juga acap kali mengagungkan individu-individu yang berjaya sekaligus memberikan kita mesej untuk memuaskan diri sendiri, selalunya di atas keperluan orang lain. Orang-orang mudahlah yang merupakan sasaran bagi propaganda seperti itu.

Akhbar tempatan Malaysia sering menerbitkan seksyen bagi gaya hidup para 'yuppies' Malaysia (mereka yang berumur di antara 20-40 serta berpendapatan tinggi). Sebagai pengguna utama, mereka digalakkan untuk berbelanja lebih agar orang lain mampu menjadi kaya. Perkara ini menimbulkan keinginan-keinginan yang tidak sepatutnya kepada orang-orang muda lain yang ingin menyusuli gaya hidup yuppies walaupun mereka tidak berkemampuan untuk berbuat demikian. Keinginan yang penuh dengan kepentingan diri seperti itu selalunya menjejaskan kehidupan harian kita.

Walau bagaimanapun, Injil Yesus Kristus tidak mengajar perkara seperti ini. Yesus berfirman kepada

kita bahawa Allah akan berbicara dan memberikan kita jawapan sekiranya keinginan kita ialah untuk melaksanakan kehendak Bapa-Nya (Yohanes 7:17). Kita harus merendahkan diri di hadapan Allah semesta alam yang Maha Esa lagi berbelas kasihan. Jika kita bertekad untuk membuat pilihan hidup yang betul, kita harus berdepan dengan ketakutan membuat pilihan yang salah dan membawanya kepada Dia. Marilah kita belajar meminta-Nya untuk menunjukkan kita nilai-nilai dan keutamaan-Nya bagi kita.

- 2** Allah lebih berminat dengan pilihan moral keseluruhan kita (prinsip-prinsip bagi kelakuan yang baik) berbanding dengan setiap butiran kecil yang kita pilih.

*Allah ingin kita melakukan perkara yang akan menyenangkan Dia. Allah telah menjadikan kita (komuniti-Nya) untuk berhubung-kait dengan-Nya di dalam sebuah kasih yang tidak akan berubah. Oleh yang demikian, tindakan kita harus memberikan kebaikan kepada orang lain di dunia-Nya.*

Sebagai contoh, kita tidak harus ponteng dan berbohong sebagai alasan untuk menghadiri acara-acara gereja. Ini akan memberi contoh yang tidak baik kepada rakan kelas kita. Kita tidak boleh melanggar lampu isyarat kerana ingin sampai ke gereja dengan tepat masa, kerana kita mesti mematuhi undang-undang yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi mengelak kemalangan dan ketidak-tertiban. Allah membenarkan undang-undang awam dalam dunia

yang belum sempurna ini untuk menghalang kemanusiaan yang dikasihi-Nya daripada musnah dan menjadi kacau-balau. Dia sangat mengasihi kita sehingga Dia memberikan masa yang lebih lama untuk kita kembali kepada Dia dan ciptaan asal-Nya, sebuah dunia yang aman dan harmoni. Dia berbuat demikian kerana Dia juga menginginkan yang terbaik buat kita semua.

- 3** Allah berturut serta sewaktu Dia memimpin umat-Nya. Tetapi Dia mungkin tidak akan memperlihatkan semua rancangan-Nya kepada mereka sekaligus.

*Ketika Musa bertanya kepada Allah mengenai perjalanan mereka ke Kanaan, Allah berfirman kepada Musa bahawa Dia akan bersama-sama dengan Musa, malah akan memberikan dia istirehat. Tetapi Allah tidak memberitahu segalanya kepada Musa sekaligus.*

Jadi, bagaimanakah kita dapat membuat pilihan yang tepat terutama sekali jika kita berada di persimpangan jalan? Kita harus bertanya kepada Tuhan mengenainya. Mintalah Roh Kudus untuk berbicara kepada kita. Bersedialah untuk mendengar dan mematuhi apabila Dia berfirman. Sekiranya tidak, kita mungkin harus menunggu lebih lama untuk mendengar suara-Nya.

- 4** Tuhan lebih berminat untuk memimpin kita jika dibandingkan dengan kesanggupan kita mengikutinya.

Allah Bapa menghantar Roh Kudus untuk mengajar kita arah yang harus kita lalui (Yesaya 30:19-22). Allah tahu keengganannya kita melepaskan idola-idola kita (keinginan ketamakan diri sendiri). Walau bagaimanapun, apabila Dia menunjukkan kita jalannya yang lebih baik, kita akan sanggup untuk menyetepikan jalan kita, untuk melepaskan diri daripada dosa dan beban yang menarik kita jatuh secara perlahan-lahan (Ibrani 12:1-3).

## Mengapakah Sukar untuk Mengetahui Kehendak Allah Bagi Isu-Isu Kecil atau Besar?

**B**enarkan saya memujuk anda untuk menunggu dan “mendengar” kepada apa yang Yesus, Anak Allah yang taat yang telah menjadi manusia biasa, katakan kepada kita mengenai...

### 1. Keperluan untuk mengetahui kehendak Allah

*“Makanan-Ku ialah melakukan kehendak Dia yang mengutus Aku dan menyelesaikan pekerjaan-Nya.”*  
(Yohanes 4:34)

### 2. Keinginan untuk melaksanakan kehendak Allah

*“Karena itu berdoalah demikian: Bapa kami yang di sorga, dikuduskanlah nama-Mu, datanglah Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di sorga.”*  
(Matius 6:9,10)

### 3. Faktor umum yang menyatukan hasil daripada melakukan kehendak Allah



*"Barangsiapa melakukan kehendak Allah, dialah saudara-Ku laki-laki, dialah saudara-Ku perempuan, dialah ibu-Ku."* (Markus 3:35)

4. Kepastian mengenai kehendak umum Allah

*"Demikian juga Bapamu yang di sorga tidak menghendaki supaya seorangpun dari anak-anak ini hilang."* (Matius 18:14)

5. Syarat bagi mengetahui kehendak Allah yang spesifik

*Waktu pesta itu sedang berlangsung, Yesus masuk ke Bait Allah lalu mengajar di situ. Maka heranlah orang-orang Yahudi dan berkata: "Bagaimanakah orang ini mempunyai pengetahuan demikian tanpa belajar!" Jawab Yesus kepada mereka: "Ajaran-Ku tidak berasal dari diri-Ku sendiri, tetapi dari Dia yang telah mengutus Aku. Barangsiapa mau melakukan kehendak-Nya, ia akan tahu entah ajaran-Ku ini berasal dari Allah, entah Aku berkata-kata dari diri-Ku sendiri."* (Yohanes 7:14-17)

6. Betapa ringkasnya mengetahui kehendak Allah

*"Jawab orang itu kepada mereka: "Aneh juga bahwa kamu tidak tahu dari mana Ia datang, sedangkan Ia telah memelekkkan mataku. Kita tahu, bahwa Allah tidak mendengarkan orang-orang berdosa, melainkan orang-orang yang saleh dan yang melakukan kehendak-Nya. Dari dahulu sampai sekarang tidak pernah terdengar, bahwa ada orang yang memelekkkan mata orang yang lahir buta. Jikalau orang itu tidak datang dari Allah, Ia tidak dapat berbuat apa-apa."* (Yohanes 9:30-33)

## 7. Pergelutan untuk melakukan kehendak Allah

*"Ya Bapa-Ku, jikalau sekiranya mungkin, biarlah cawan ini lalu dari pada-Ku, tetapi janganlah seperti yang Kukehendaki, melainkan seperti yang Engkau kehendaki." Setelah itu Ia kembali kepada murid-murid-Nya itu dan mendapati mereka sedang tidur...*

*"Ya Bapa-Ku jikalau cawan ini tidak mungkin lalu, kecuali apabila Aku meminumnya, jadilah kehendak-Mu!" (Matius 26:39-42)*

## 8. Sukacita di dalam melaksanakan kehendak Allah<sup>2</sup>

*"Sama seperti Engkau telah memberikan kepada-Nya kuasa atas segala yang hidup, demikian pula Ia akan memberikan hidup yang kekal kepada semua yang telah Engkau berikan kepada-Nya. Inilah hidup yang kekal itu, yaitu bahwa mereka mengenal Engkau, satu-satunya Allah yang benar, dan mengenal Yesus Kristus yang telah Engkau utus. Aku telah mempermuliakan Engkau di bumi dengan jalan menyelesaikan pekerjaan yang Engkau berikan kepada-Ku untuk melakukannya. Oleh sebab itu, ya Bapa, permuliakanlah Aku pada-Mu sendiri dengan kemuliaan yang Kুমiliki di hadirat-Mu sebelum dunia ada." (Yohanes 17:2-5)*

### Latihan

(untuk mereka yang belum biasa dengan keperluan untuk mencari kehendak Tuhan secara aktif dalam kehidupan mereka)

Aplikasikan senarai di atas kepada diri anda di dalam usaha menjawab soalan berikut:

*"Mengapakah saya masih belum mengetahui kehendak Allah secara umum dan spesifik terhadap diri saya?"*



## B. Kehendak Allah Berkenaan Dengan Kerjaya dan Panggilan

**A**llah memberikan mandat (dan keistimewaan) kepada manusia di awal penciptaan untuk menjaga dunia milik Allah. Ia merangkumi penjagaan manusia, haiwan dan tumbuhan. Tugasan yang diberikan kepada manusia cukup jelas:

*"Maka Allah menciptakan manusia itu menurut gambar-Nya, menurut gambar Allah diciptakan-Nya dia; laki-laki dan perempuan diciptakan-Nya mereka. Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka: "Beranak-cuculah dan bertambah banyak; penuhilah bumi dan taklukkanlah itu, berkuasalah atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala binatang yang merayap di bumi."*

Kejadian 1:27, 28

Allah juga memastikan perkara lain mengenai pekerjaan (kerjaya dan panggilan) jelas:

1. Kemuliaan hanya milik Yesus sahaja

*"Ia adalah gambar Allah yang tidak kelihatan, yang sulung, lebih utama dari segala yang diciptakan,*

karena di dalam Dialah telah diciptakan segala sesuatu, yang ada di sorga dan yang ada di bumi, yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, baik singgasana, maupun kerajaan, baik pemerintah, maupun penguasa; segala sesuatu diciptakan oleh Dia dan untuk Dia. Ia ada terlebih dahulu dari segala sesuatu dan segala sesuatu ada di dalam Dia. Ialah kepala tubuh, yaitu jemaat. Ialah yang sulung, yang pertama bangkit dari antara orang mati, sehingga Ia yang lebih utama dalam segala sesuatu. Karena seluruh kepenuhan Allah berkenan diam di dalam Dia, dan oleh Dialah Ia memperdamaikan segala sesuatu dengan diri-Nya, baik yang ada di bumi, maupun yang ada di sorga, sesudah Ia mengadakan perdamaian oleh darah salib Kristus." (Kolose 1:15-20)

2. Allah mengambil berat akan semua orang, bukan hanya orang Kristian sahaja.

"...dan seorang dari mereka, seorang ahli Taurat, bertanya untuk mencobai Dia: "Guru, hukum manakah yang terutama dalam hukum Taurat?" Jawab Yesus kepadanya: "Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu. Itulah hukum yang terutama dan yang pertama. Dan hukum yang kedua, yang sama dengan itu, ialah: Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri. Pada kedua hukum inilah tergantung seluruh hukum Taurat dan kitab para nabi." (Matius 22:35-40)

Dengan itu, kita kini mampu memberikan perhatian kepada

jalan untuk melakukan apa juga tugas yang Allah berikan kepada kita berdasarkan kepada dua garis panduan di atas. Oleh yang demikian, kita mampu memilih suatu kerjaya ataupun panggilan yang akan memenuhi prinsip-prinsip tersebut untuk menyenangkan hati Tuhan! Kini sudah tiba masanya untuk mempertimbangkan perbezaan di antara kerjaya dan panggilan.

### Perbezaan di Antara Kerjaya dan Panggilan

**K**erjaya adalah sekadar pekerjaan bagi kita mencari nafkah kehidupan seharian. Seorang individu mampu menukar pekerjaan dengan senang kerana kurangnya minat. Asalkan tugas yang diberi mampu diselesaikan dan bayaran yang setimpal diterima, ia sudah memadai. Dia mungkin berminat dan mungkin juga tidak kepada pekerjaan tersebut.

Sebaliknya, **panggilan** ialah sesuatu pekerjaan yang sangat dekat di hati seseorang. Dia tidak akan berasa aman sehinggalah satu hari nanti tugas tersebut diselesaikan. Contohnya, bekerja sebagai seorang jururawat, pastor, guru tadika atau seorang pekerja sosial.

Sekiranya kita merenungkan definisi kerjaya dan panggilan di atas, kita akan mendapati bahawa panggilan selalunya berkait rapat dengan perkhidmatan dan pelayanan kepada orang lain untuk memberikan kebaikan kepada mereka. Seorang individu mengejar panggilannya kerana dia tidak mempunyai pilihan. Desakan tersebut datang daripada Allah secara langsung ataupun tidak langsung. Sebagai contoh:

- Seorang pekerja sosial akan berasa pilu ketika dia mendengar tangisan kanak-kanak yang sedang kebuluran di negara jauh daripadanya kerana dia tidak mampu membawa pertolongan kepada mereka dengan pantas.
- Seorang pelukis mengimpikan supaya perasaan dan fikirannya dapat diwarnakan di atas sehelai kain kanvas untuk menunjukkan keindahan dan kehodohan dunia dengan harapan ia akan membawa orang lain untuk melakukan tindakan menjadikan dunia ini lebih baik.
- Seorang pemain piano mengidamkan untuk meluahkan tangisan dan kegembiraan hatinya melalui jari-jemari beralun di atas kekunci piano supaya para pendengarnya akan terhibur, ataupun dikekang daripada bergembira!
- Seorang pastor mungkin berasa, *"Terkutuklah aku jika aku tidak mengajar firman Tuhan!"*

Individu yang mempunyai panggilan untuk berkhidmat dan melayani di dalam sesebuah tugas tidak terlalu mengambil berat akan keuntungan yang akan diterimanya. Dia lebih prihatin bahawa tugas yang dilakukannya adalah untuk kebaikan orang lain, iaitu jiran-jiran yang Yesus maksudkan di dalam ayat-ayat yang dipetik di atas. Dia juga turut prihatin terhadap hidupan-hidupan lain dan alam sekitar yang Allah ciptakan. Ada sesuatu di dalamnya yang tidak akan tenteram sehingga dia bebas untuk menyalurkan tenaga psikologi, intelek, mental dan kerohaniannya melalui tugasannya. Kepuasan ini tidak mampu dipenuhi dengan pendapatan kebendaan walaupun dia memerlukan pendapatan tersebut untuk

menjalani kehidupan serta menampung panggilan mereka.

Beberapa Contoh:

**1** Johnny dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang sangat kuat mendorongnya untuk menjadi seorang doktor. Dia ingin membantu mereka yang sakit dan lemah. Dia juga turut digerakkan oleh kesengsaraan mereka. Allah memanggil dia untuk pelayanan Kristian sepenuh masa ketika dia berada di Tingkatan 5. Dia tidak diberitahu bagaimana, di mana, dan bila dia harus dilatih, dan bidang apa yang harus dia ceburi. Oleh kerana bidang perubatan merupakan satu pilihan yang baik dan boleh diterima, dia pun menjadi seorang doktor yang baik. Namun begitu, dia sedar bahawa hanya bekerja di bidang perubatan semata-mata tidak akan memuaskan dirinya. Dia tidak mampu memastikannya selama sepuluh tahun ketika berkhidmat di bandar. Akhirnya, sebuah peluang misi baginya terbuka. Dan kini dia mampu menyalurkan seluruh jiwa raganya kepada misi perubatan di kawasan setinggan.

*Kerjaya yang Johnny miliki turut menjadi panggilannya. Ini adalah contoh di mana panggilan dan kerjaya bersilang.*

**2** Betty adalah seorang lulusan ijazah undang-undang dan dia mengharapakan akan menjadi kaya. Sebenarnya dia tidak peduli akan jenis pekerjaan yang dimilikinya asalkan dia mampu menikmati hidup sesuka hatinya. Setelah 5 tahun berkecimpung di dalam bidang perundangan dan perkahwinan, dia menjadi seorang ibu. Dia kini tahu yang dia ingin menyalurkan hatinya kepada

keluarganya. Apabila ketiga orang anaknya sudah bersekolah, dia bercadang untuk menceburi bidang perundangan sekali lagi untuk mendapatkan pendapatan tambahan serta bersosial semula. Namun Allah memanggil dia untuk berhenti sama sekali bagi membantu orang-orang yang miskin, terabaikan dan yang tertindas di tengah-tengah masyarakat bandar.

*Kerjaya Betty tidak menjadi panggilannya kerana ia digantikan dengan pekerjaan sosial. Namun demikian, kebolehnya di dalam bidang perundangan tidak disia-siakan kerana ia digunakan untuk membantu mereka yang tidak mampu mempertahankan diri di dalam masyarakat.*

**3** Andy adalah seorang guru. Namun demikian, dia merungut setiap hari akan pekerjaannya. Untuk menampung keluarga dan kurangnya minat untuk melakukan pekerjaan lain, dia terus bekerja sehingga persaraan tiba. Dia kemudian menyedari bahawa pekerjaannya sebagai seorang guru adalah jalan baginya untuk menampung keluarganya tanpa sebarang tujuan spesifik yang lain.

*Andy menjalani kehidupan tanpa tujuan kerana dia tidak menikmati sebarang kerjaya mahupun panggilan.*

**4** Jerry merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya apabila dia mencapai umur ke 40. Simpanan bagi keluarganya sudah mencukupi. Kemudian dia sedar bahawa dia dipanggil untuk menjadi pastor. Bagaimana pun, dia tidak mampu membebaskan dirinya daripada



kebendaan yang dimilikinya. Oleh itu, meskipun dia berusaha keras untuk menjadi gembala Allah di sebuah gereja tempatan, Jerry tidak pernah merasa puas dan gembira di dalam pelayanannya kerana dia masih belum mengalami sukacita di dalam melepaskan semuanya kepada Tuhan. Dia menjadi seorang yang manipulatif dan sangat berkira di dalam hubungannya dengan para pemimpin-pemimpin gereja sehingga dia berasa terlalu bersalah untuk berhenti. Kedudukan sosial dan aset-aset kebendaan Jerry sebelum ini telah menjadi penghalang kepada rancangan-rancangan Allah melaluinya. Pergelutan terjadi dan gereja turut terpecah.

*Jerry ialah satu contoh bagi anak Tuhan yang berpijak sebelah kaki di kerajaan Allah dan sebelah lagi di dunia. Adalah lebih baik baginya untuk terus bekerja di dalam perniagaannya dan menyalurkan wang kepada mereka yang memerlukan lebih daripada keluarganya. Allah mahukan kita secara keseluruhan, bukan sebahagian sahaja.*

### Soalan:

1. Apakah yang sedang Allah katakan kepada anda ketika anda mempertimbangkan masa depan anda?
2. Di antara ke empat-empat kedudukan di atas, kedudukan yang mana satukah yang anda akan pilih bagi kehidupan anda?

## Bagaimana Mencari Panggilan Allah

1. Serahkan hidup anda sepenuhnya kepada Allah kerana Dia jauh lebih bijaksana daripada anda. Anda adalah anak-Nya. Mintalah supaya anda turut menjadi hamba-Nya. Sama seperti Adam dan Hawa adalah anak-Nya, mereka turut diberikan mandat untuk menjaga dunia yang Allah ciptakan. Mereka menyimpang sewaktu mereka membenarkan diri mereka diganggu dengan keinginan untuk menjadi sesuatu yang tidak diingini Allah. Mereka ingin menjadi seperti Allah!
2. Biarlah kurnia-kurnia semula jadi dan kerohanian anda diuji oleh mereka yang mampu mengenal pasti kebolehan anda. Pertimbangkan setiap kemungkinan, terutama sekali kebaikan dan keburukan kerjaya yang akan anda pilih. Pertimbangkan juga pandangan Sang Pencipta di Matius 16:26. Adakah anda benar-benar mahu sebuah kerjaya, panggilan ataupun tidak sama sekali. Ingatlah bahawa jalan dan fikiran Allah adalah jauh lebih tinggi daripada jalan dan fikiran anda (Yesaya 55:1-11).
3. Buatlah kajian mengenai keperluan-keperluan yang ada di Malaysia, bukan sekadar bidang yang akan memberikan anda prestij, kepuasan dan wang.
4. Cari tahu daripada gereja tempatan, organisasi misi dan badan bukan untuk keuntungan (NGO) tentang jenis pekerja yang mereka perlukan supaya anda boleh mempertimbangkan latihan untuk pekerjaan baik sedemikian.
5. Bacalah secara meluas mengenai kerjaya-kerjaya

yang terbuka, samada tempatan mahupun luar negara. Secara umumnya kelayakan-kelayakan tempatan adalah memadai. Ini disebabkan kebanyakan pekerjaan boleh diperolehi dengan mudah. Oleh itu, adalah lebih bijak bagi anda untuk mendapatkan latihan anda di Malaysia melainkan pilihan anda tidak terdapat di sini ataupun anda memiliki biasiswa untuk belajar di luar negara.

6. Anda mungkin mahu berbincang dengan ibu bapa ataupun mentor anda berkenaan pilihan menjadi seorang pelatih untuk mendapatkan pendedahan, ataupun bekerja untuk satu jangka masa yang lebih panjang bagi menilai kehendak Allah yang khusus buat kerjaya dan panggilan anda. Selepas anda telah memastikan panggilan anda, anda tidak akan berasa risau akan masa yang perlu diambil untuk menjalani latihan mahupun pengajian tahap tinggi. Apabila anda melihat ke belakang 10 tahun dari sekarang, masa yang dihabiskan sebelum panggilan sebenar anda tidak akan kelihatan sangat panjang. Allah tidak tergesa-gesa dalam menyiapkan tugas-Nya untuk membentuk anda selagi anda masih sanggup dibentuk!
7. Janganlah menyeksa ibu bapa anda untuk memberikan dana yang tidak mampu mereka dapatkan bagi pengajian pilihan anda. Berusahalah sendiri ataupun pilihlah jalan yang lebih panjang untuk mencapai kerjaya pilihan anda.

**Ingatlah:**

Pendidikan bukan hanya sekadar mendapatkan sehelai

kertas kelayakan. Ia adalah perjalanan melalui latihan disiplin. Pengajian peringkat tinggi hanyalah satu daripada banyak lagi pilihan yang tersedia. Anda sememangnya berpendidikan jika anda mampu menjaga diri sendiri, keluarga dan jiran tetangga melalui kejujuran dan kegigihan, tanpa mengira apa jua pekerjaan yang anda miliki. Ada ramai orang di luar sana yang mempunyai kesihatan, kekayaan dan kelayakan namun sungguh angkuh dan tidak memperdulikan orang lain. Bolehkah kita katakan bahawa mereka telah dididik dengan baik?

Pada akhirnya, di mata Tuhan pendidikan hanya sekadar pembentukan perwatakan. Ia bahkan bukan apa yang mampu kita berikan kepada orang lain. Tuhan ialah pendidik pertama dan terakhir manusia sejagat. Kepada mereka yang mempercayai-Nya, Dia turut menjadi Penyelamat dan Pembaharu fikiran dan hati, segala emosi dan keinginan manusia, pemberi kehidupan kekal, iaitu persahabatan bersama Tuhan (*Yohanes 17*).

### **Periksa Motif Anda Untuk Sesebuah Kursus Tertentu**

#### **P**ertama:

Adakah pilihan saya akan memuliakan Tuhan (misalnya di dalam isu ini, adakah tindakan saya akan membantu orang lain mengetahui bahawa Dia ialah Bapa dan Allah hidup saya)? Sebagai contoh, sekiranya keluarga anda masih belum mengenali Tuhan, adakah pilihan anda akan menampakkan anda sebagai seorang anak yang tidak bertimbang rasa lagi mementingkan diri (remaja yang tidak matang)?

**Kedua:**

Adakah pilihan saya akan memberikan kebaikan kepada orang lain?

**Ketiga:**

Adakah pilihan saya sesuai dengan kebolehan dan dana yang sedia ada?

Sekiranya tidak ada perkara yang negatif, mintalah ketenangan-Nya, daftarkan diri bagi pengajian ataupun jawatan tersebut dan percayakan Tuhan untuk membuka dan menutup pintu-pintu. Sementara anda menunggu, luangkan masa bersama-Nya bersendirian dan jalani rutin harian anda seperti biasa.

### Empat Panggilan Mulia yang Sering Dilupakan

*Mengapakah kita memanggil kerjaya/panggilan-panggilan tersebut MULIA? Mulia bermaksud "Memiliki kualiti sendiri yang baik dan dipuja oleh orang, seperti keberanian, kejujuran dan keprihatinan terhadap orang lain" (Oxford Advance Genie Dictionary, Oxford University Press 2003)*

Sekiranya kita fikirkan akan perkara yang dilakukan dan diharungi oleh para jururawat, guru, pastor dan isteri pastor yang dedikasi, saya percaya bahawa kita akan menganggap tugas mereka sebagai samar-samar namun sangat menyembuhkan, mendidik, bahkan berperanan sebagai *pembawa pendamaian* di negara kita. Di mana-mana negara sekalipun, tanpa pintu untuk tugas-tugas tersebut, masyarakat akan mereput dengan lebih pantas daripada yang sedia ada. Puji Tuhan akan tugas-

tugas yang sungguh mulia ini!

Beraniakah anda menjadi seorang jururawat, guru, pastor mahupun sebagai isteri seorang pastor? Adakah anda cukup menyayangi Tuhan sehinggakan anda sanggup memberikan anak-anak anda kepada-Nya untuk mengikuti Tuhan di dalam penebusan masyarakat dan dunia ini? Hitunglah harganya (Lukas 14:34). Secara muktamad, hanya Allah yang akan menang (Lukas 11:23). Namun begitu, Dia berjanji akan menjaga kita selamanya (Yudas 24-25; Titus 1:2)!



## **Berani untuk Menjadi Seorang Jururawat**

### ***Sebab-sebab untuk Menyahut Panggilan Sebagai Seorang Jururawat***

- Tugas seorang jururawat memenuhi keperluan asas setiap orang sewaktu dia tidak sihat, bermula daripada rumah kita.
- Ramai pesakit tinggal di hospital sewaktu keluarga mereka tidak lagi mampu untuk mengendalikan penyakit yang lebih serius. Oleh yang demikian, mereka memerlukan seseorang yang terlatih untuk menjaga mereka supaya dapat kembali menjadi sihat. Doktor selalunya hanya memberikan arahan. Tanpa rawatan, penjagaan yang cekap dan kurangnya kasih sayang, ramai yang tidak akan pulih dengan sempurna ketika mereka keluar dari hospital untuk kembali ke rumah.<sup>3</sup> Doktor memerlukan para jururawat untuk menjaga pesakit dengan rapi. Ini menjadikan para pesakit meluangkan lebih banyak masa bersama jururawat

berbanding dengan doktor-doktor. Oleh itu, jururawat mampu mendekati keperluan emosi dan sosial pesakit dengan mendengar dan memerhatikan interaksi keluarga mereka. Kehadirannya di saat-saat sedemikian menambah penjagaan yang lebih kepada pesakit yang memerlukan. Di dalam penjagaan perubatan hari ini, tujuan utama ialah untuk memulihkan seseorang individu sepenuhnya, bukan sekadar merawat penyakit mereka.


- Kejururawatan selari dengan panggilan hati mereka yang ingin menjaga orang-orang sakit.
- Seorang doktor memerlukan ramai jururawat. Namun begitu, sistem akademik sekolah-sekolah selalu mempromosikan impian menjadi doktor-doktor di barisan pemimpin. Tidak ramai yang cuba mengetengahkan pemilihan kerjaya sebagai seorang jururawat. Ramai di antara kita yang tidak sedar meskipun hospital boleh berfungsi tanpa kehadiran para doktor untuk satu jangka masa, ia tidak mampu berfungsi sepenuhnya tanpa keperluan bagi jururawat dipenuhi sepanjang masa.
- Terlalu ramai yang berusaha untuk mencapai pekerjaan-pekerjaan yang lebih “menarik” dan menguntungkan seperti IT, Komunikasi Massa, undang-undang, pemasaran, pengiklanan, hiburan, penerbitan, kewartawanan atau seni kreatif. Kenyataannya ialah kita tahu bahawa dunia akan terus berputar walaupun tanpa kehadiran para pakar bidang-bidang tersebut, tetapi dunia akan terhenti sekiranya tugas-tugas kejururawatan tidak dipenuhi.

- Kejururawatan menekankan semangat berpasukan di antara para pekerja yang melupakan diri di tengah-tengah mengutamakan para pesakit.
- Tugas seorang jururawat menjadikan para pembekal perkhidmatan sedemikian rendah diri supaya mereka akan terus melayani orang lain dengan penuh sukacita. Ia juga boleh menjadi sebuah disiplin rohani.

### ***Kenapa Orang Tidak Memilih Panggilan Sebagai Seorang Jururawat***

Ada beberapa sebab mengapa orang menentang panggilan kejururawatan. Anda mungkin beranggapan bahawa kejururawatan adalah satu pekerjaan yang 'kotor', peluang kenaikan pangkat yang rendah dengan upah gaji yang sedikit; atau anda beranggapan bahawa pekerjaan tersebut terlalu rendah bagi anak-anak kita yang berhak mendapatkan sesuatu yang jauh lebih baik. Atau anda merasakan pekerjaan ini terlalu menyeksakan kerana anda terpaksa berhadapan dengan darah.

Tetapi ingatlah:



Sebab itulah ramai yang menceburi bidang ini sebelum tahun 1980-an menukar bidang, termasuk mereka yang berpindah ke luar negara demi kebebasan dan bukan menjaga mereka yang sakit.



## ***Apa Kelayakan yang Diperlukan untuk Menjadi Seorang Jururawat***

Sebenarnya kelayakan untuk menjadi seorang jururawat sangat mudah: secara idealnya, kasih ialah sebuah keperluan asas walaupun ini boleh dilatih dalam pekerjaan ketika pengalaman menggerak dan membuka hati seorang jururawat.

## ***Prospek Masa Depan Seorang Jururawat***

Prospek masa depan seorang jururawat termasuklah:

- Penjagaan dan rawatan pesakit secara praktikal yang berterusan.
- Menjabatani kepada jawatan pentadbiran melalui pengajian peringkat ijazah.
- Menjadi instrumen kepada pengembangan rawatan kesihatan di sesebuah tempat atau negara.
- Membuka pintu kepada misi asing apabila perlu.

*Kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang kejururawatan, hubungilah Kolej-kolej Kejururawatan di hospital-hospital kerajaan, swasta serta universiti-universiti yang berdekatan untuk informasi mengenai proses pengambilan.*



## Berani untuk Menjadi Seorang Guru

### **Sebab-sebab untuk Menyahut Panggilan Sebagai Seorang Guru**

- Setiap kanak-kanak Malaysia di abad yang ke 21 memerlukan guru. Oleh itu, sekiranya anda mempunyai pesanan untuk disampaikan dan hati untuk dikongsikan bersama kanak-kanak sewaktu zaman pembentukan yang penting bagi kedewasaan mereka nanti, pintu bagi kerja keras lagi penuh tekanan kini sedang terbuka luas.
- Ada keperluan mendesak bagi guru-guru lintas budaya yang terlatih dengan pandangan dunia yang luas serta berpengalaman. Kanak-kanak berbilang kaum yang ramai harus diajar dengan berdisiplin namun kreatif bagi menyiapkan mereka untuk menghadapi dunia.
- Ia memberikan waktu bekerja yang singkat berbanding dengan kebanyakan kerja sepenuh masa yang lain, walaupun tugas yang harus dilaksanakan jauh lebih banyak. Namun lihatlah ia demi kebaikan para pelajar.
- Bagi ibu bapa yang bekerja sebagai guru, mereka akan lebih seiring dengan rentak seharian anak mereka. Ini akan membantu di dalam proses berhubung dengan mereka.
- Kanak-kanak selalunya berasa bangga memiliki orang tua yang bekerja sebagai guru. Ibu bapa dihormati kerana mampu melatih dan membimbing mereka kepada suatu tahap yang lebih tinggi. Ini akan secara semula jadi memperbaiki kehidupan kekeluargaan mereka.

- Adalah lebih mudah untuk menjadi terang dan garam dunia sebagai seorang guru kerana guru mampu dipindahkan dan “disebar-luaskan”!

### ***Kenapa Orang Tidak Memilih Panggilan Sebagai Seorang Guru***

Berikut adalah beberapa alasan mengapa orang tidak mahu memilih kerjaya sebagai seorang guru, dan mengapa ada ibu bapa yang tidak mahu anak mereka menjadi seorang guru:

- Kerja mendidik sangat membosankan.
- Mempunyai fobia atau ketakutan/kebencian yang amat sangat terhadap kerumunan orang.
- Tidak suka bunyi bising.
- Pendidik hanya memiliki kelas pertengahan di dalam status sosial.
- Kenaikan pangkat terlalu lambat.
- Tidak dapat menerima pertukaran ke tempat asing, terutamanya ke pedalaman.

### ***Apa Kelayakan yang Diperlukan untuk Menjadi Seorang Guru***

- Ada hati untuk kanak-kanak
- Memiliki kesabaran
- Pandangan dunia yang terbuka
- Keinginan untuk mendidik generasi seterusnya tanpa melihat hasil sekelip mata selain daripada pencapaian akademik
- Kegigihan dan ketabahan
- Penguasaan bahasa yang baik
- Pemikiran yang sistematik

- Perwatakan yang baik
- Psikologi yang sihat



## Berani untuk Menjadi Seorang Pastor

### **Sebab-sebab untuk Menyahut Panggilan Sebagai Seorang Pastor**

- Sekiranya Allah memanggil anda secara khusus untuk melayani-Nya sebagai seorang pastor.
- Sekiranya Allah tidak berkata "Tidak" kepada anda dan rakan-rakan Kristian lain yang matang mendorong anda untuk memasuki pelayanan ini. Jika demikian, anda mungkin harus menerima tugas ini dengan penuh kesyukuran kepada Tuhan yang memerlukan gembala untuk melayani umat-Nya.
- Guru dan doktor yang berdedikasi dan efesyen juga mampu menjadi pastor yang baik kerana mereka sekadar menukar pekerjaan mereka di dalam melayani orang dari satu bidang ke bidang yang baru.

### **Pelayanan Menjadi Pastor Bukan Untuk Anda Jika:**

- Anda sering melarikan diri daripada tanggungjawab keluarga dan sosial.
- Anda tidak ada pilihan kerana tidak mampu mendapatkan kerjaya yang anda inginkan disebabkan kelayakan tidak mencukupi.
- Anda memilih untuk menjadi seorang pastor (atau masuk ke Sekolah Alkitab) kerana gagal meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih

tinggi.

- Sekiranya anda terlalu bergantung secara emosi serta beranggapan bahawa ahli-ahli gereja akan memenuhi keperluan emosi anda.
- Sekiranya anda beranggapan bahawa orang Kristian tidak akan mengherdik anda walaupun pekerjaan anda sambil lewa kerana jemaat orang-orang yang baik dan tidak akan memberhentikan anda.
- Sekiranya anda mampu tetapi tidak sanggup melalui disiplin dan tugasan kerohanian yang ketat.
- Sekiranya anda tidak percaya kepada firman Yesus di dalam penekanan miskin secara rohani, bersedih di atas dosa dan kehilangan orang lain, kelemahan-lembutan hati dan tingkah laku, kehausan akan Tuhan, berbelas kasihan, kesucian hati, pembawa pendamaian dan penerimaan kesengsaran bagi Tuhan. (Lihat *Khutbah Di Bukit* di dalam Matius 5).
- Sewaktu anda tidak berusaha sebaik mungkin untuk Tuhan.
- Sekiranya anda tidak bersetuju untuk menjadi hamba kepada semua orang demi Tuhan.

Baca *Behold Your Pastor* bagi pemahaman yang lebih mendalam berkatian dengan pelayanan dan kehidupan seorang pastor.<sup>4</sup>



## Berani untuk Menjadi Seorang Isteri Pastor

### **Sebab-sebab Anda Mengahwini Seorang Pastor**

- Sekiranya Allah telah memanggil anda secara khusus untuk mengahwini seorang pastor.
- Sekiranya Tuhan tidak berkata "Tidak" kepada anda dan rakan-rakan Kristian yang matang mendorong anda untuk mengahwini seorang pastor ataupun seorang yang sedang bersedia untuk memasuki pelayanan seorang pastor.
- Mempunyai kesanggupan untuk dikuatkan bagi membesarkan anak-anak supaya suami anda boleh menumpukan perhatian ke atas tugas-tugasnya di luar rumah.
- Memiliki kerendahan hati untuk memanggil ahli-ahli gereja sekiranya anda memerlukan bantuan.
- Mempunyai kebolehan untuk menyesuaikan diri di persekitaran baru tanpa merasa terganggu, marah atau kecewa.
- Sanggup untuk memaafkan dan menerima kemaafan.
- Mampu bersikap seperti seekor domba yang akan disembelih tanpa bersuara.
- Mampu menerima kehendak Allah ketika rumah tangga kelihatan seperti telur di hujung tanduk.
- Mampu mengawal anak-anak sendiri serta membesarkan mereka dengan tata-tertib sebaik mungkin.
- Seorang anak Tuhan.
- Mampu mempercayai bahawa anda adalah orang biasa dan istimewa seperti semua orang lain di

dalam keluarga Tuhan serta bersikap seadanya.

### ***Sebab-Sebab Anda Tidak Boleh Menjadi Isteri Seorang Pastor***

Anda mengahwini seorang pastor kerana:

- Lelaki tersebut tampan dan kacak.
- Lelaki tersebut berkelulusan tinggi (atau memiliki banyak kelayakan).
- Dia boleh menjadi seorang figura ayah kepada anda.
- Anda mampu memanipulasinya untuk keluar daripada pelayanan supaya dapat memberikan hidup yang lebih baik kepada keluarga.
- Anda akan menjadi dekat kepada Tuhan kerana isu -isu kerohanian akan disebut sepanjang masa.
- Dia mampu menjadikan anda lebih rohani dan anak-anak anda akan menjadi hamba-hamba Tuhan yang hebat.
- Pelayanan pastor memberikan anda satu status sosial yang tidak mampu anda miliki di dunia sekular.
- Anda merasa anda lebih baik dan lebih rohani daripada jemaat gereja yang lain.
- Anda mahu bersaing dengan suami dan orang lain di dalam pelayanan.
- Anda tidak tahu untuk menjadi penjaga suami anda daripada wanita lain. (Ini adalah tugas-tugas yang tidak ditulis, sering disalah-anggap kerana kebanyakan orang beranggapan para pastor tidak mempunyai hormon androgen lelaki!)

### ***Beberapa Nasihat Kepada Isteri Pastor Yang Berbakat***

Jika anda seorang wanita (isteri) yang sangat berbakat dan mempunyai kurnia dari Tuhan, dan anda perlu mengembangkan identiti/pelayanan anda sendiri kerana suami anda adalah seorang yang mempunyai tanggungjawab berat di dalam pelayanan:

- Menyedari bahawa setiap orang memiliki kurnia yang tersendiri. Persoalannya adalah sama ada kurnia-kurnia tersebut sudah diketahui dan digunakan mahupun sebaliknya.
- Berwaspadalah akan keutamaan anda, terutama sekali para isteri dan ibu. Tuhan seharusnya didahulukan, kemudian barulah keluarga dan pelayanan-pelayanan di luar. Jika tidak, anda tidak mampu menyalurkan kasih kurnia Tuhan kepada generasi seterusnya dengan kebebasan dan kesukacitaan. Sekiranya suami anda dipanggil untuk melayani orang lain, anda tidak mempunyai pilihan lain selain daripada mengutamakan keluarga terlebih dahulu. Ramai wanita hari ini yang tidak mampu menerima panggilan tersebut, iaitu panggilan untuk suaminya melayani keluarga, gereja dan masyarakat yang memerlukan.
- *Perkahwinan dan peranan sebagai seorang ibu adalah sebuah panggilan.* Saya percaya seorang wanita harus membuat pilihan ini sebelum mereka berfikir untuk mendapatkan teman lelaki yang berpotensi untuk dikahwini.
- Bersabarlah bahawa Tuhan akan menunjukkan anda pelayanan khusus anda. Dalam masa yang sama, gunakan kebolehan yang anda miliki untuk melayani



umat-Nya. Sewaktu keluarga saya memulakan pelayanan, saya hanya seorang pemain piano di sebuah gereja kecil. Namun, apabila seorang yang lebih terlatih datang, saya melepaskan tugas tersebut dan memalingkan perhatian kepada keperluan-keperluan yang lain.

- Mintalah kasih kurnia daripada Tuhan untuk pemahaman, penerimaan dan jadilah diri anda sendiri sebaik yang mungkin, tanpa merosakkan hubungan. Amalkan sikap terbuka kepada sikuan-Nya untuk diubahkan.
- Ramai isteri hari ini yang berputik mekar sewaktu anak-anak mereka mampu berdikari. Tidak ada had masa bagi pelayanan. Musa terpaksa menjaga kambing biri-biri selama 40 tahun sehingga dia hilang keyakinan untuk peluang pelayanan. Namun selepas itu dia menjadi seorang pemimpin yang jauh lebih baik. Ini disebabkan dia telah belajar untuk bergantung sepenuhnya kepada pimpinan dan berkat Allah setiap hari.

### **Kualiti-kualiti Membantu untuk Seorang Isteri Pastor**

- Mengenal Allah secara peribadi.
- Seorang wanita yang berperwatakan mulia.
- Mampu serta sanggup untuk mengendalikan rumah seorang diri di kebanyakan masa.
- Tegus namun menyokong suami.
- Tuhan mungkin meminta anda untuk bersikap kelakar. Ini mampu dipelajari atau memintanya dari Tuhan.
- Sanggup belajar daripada orang lain.
- Mengenal kurnia dan kebolehan diri sendiri serta

menggunakannya untuk kemuliaan Tuhan di mana saja dan sepanjang masa, asalkan kedamaian rumah selalu diutamakan.

### **Tiga Cara Untuk Menjadi Isteri Seorang Pastor**

- Dipanggil sebelum berkahwin.
- Dipanggil sewaktu berkahwin.
- Tidak pernah dipanggil namun bersedia untuk menjadi isterinya.

### **Tiga Cara Untuk Menghadapi Cabaran-Cabaran Hidup Yang Unik.**

- Pandanglah kepada Tuhan dan bergantung sepenuhnya kepada Tuhan.
- Mengambil tugas seorang ibu sebagai panggilan utama anda.
- Mempunyai jaminan di dalam kasih Tuhan. Luaskan hubungan dan lingkungan persahabatan di luar gereja serta mengasihi mereka demi Kristus, namun tidak tergoda untuk mengikuti arus dunia.

### **Renungan**

1. Ambil masa untuk merenung, mencatatkan dan berdoa sewaktu anda meluangkan masa bersendirian dengan Allah. Anda mungkin ingin mengongsikannya di kemudian hari dengan seseorang dan berdoa bersama-samanya.
2. Renungkan kata-kata di dalam hymn berikut. Anda mungkin ingin menjadikannya sebagai doa anda sendiri.

Mungkin bukan di puncak gunung,  
Ataupun di laut yang bergelora;  
Mungkin bukan di baris hadapan medan perang  
Tuhanku memanggil aku;  
Namun jika suara kecil Dia memanggil,  
Kepada jalan yang aku tak tahu,  
Aku menjawab, 'ya Tuhan, gengamlah tanganku  
Aku pergi ke mana Engkau mau'.

#### Korus

Aku pergi ke mana Engkau mau, ya Tuhan,  
Menyeberangi gunung, gurun mahupun laut;  
Aku bicara apa yang Engkau mau, ya Tuhan,  
Aku menjadi apa yang Engkau mau.

Mungkin hari ini ada kata yang manis  
Yang Yesus mahu aku bicara;  
Mungkin sekarang, di jalan dosa,  
Ada orang yang aku harus dapatkan,  
O Penyelamat, jika Engkau menjadi Penuntunku,  
Meski jalan gelap dan berliku,  
Suaraku pasti bergengangkan pesan-Mu,  
Aku bicara apa yang Engkau mau.

Pasti ada tempat yang kusam  
Di bumi, di ladang yang luas,  
Aku bekerja di hari yang singkat  
Untuk Yesus yang telah disalibkan.  
Aku percaya sepenuhnya kepada Tuhan  
Aku tahu Engkau mengasihiku!  
Aku melakukan kehendak-Mu dengan ikhlas,  
Aku menjadi apa yang Engkau mau.

## C. Pimpinan Tuhan Bagi Hidup Membujang Atau Berkahwin

**M**arilah kita mendengar tentang apa yang Allah katakan melalui Rasul Paulus di dalam Filipi 4:11,13:

“Kukatakan ini bukanlah karena kekurangan, sebab aku telah belajar mencukupkan diri dalam segala keadaan... Segala perkara dapat kutanggung di dalam Dia yang memberi kekuatan kepadaku.”

Adalah amat sukar untuk mengenal pasti kehendak Allah secara umum.

Mengenal pasti sama ada kita dipanggil untuk membujang ataupun berkahwin adalah jauh lebih sukar.

Sebagai dasar perbincangan, kita akan terlebih dahulu melihat pandangan Allah kepada hidup membujang dan berkahwin sebagai dua gaya hidup untuk kita jalani di dalam menyahut panggilan kita di dunia yang tidak sempurna ini. Kemudian kita akan mencuba untuk menjelaskan beberapa pandangan umum mengenai perkahwinan dan fenomena jatuh cinta. Dan akhir sekali, kita akan memberikan beberapa cadangan bagi mempersiapkan diri kita untuk pasangan di masa hadapan.

## 1. Hidup Membujang

Setiap orang dicipta untuk hidup bersama orang lain, iaitu manusia sejagat. Komuniti yang kita diami terdiri daripada golongan yang belum dan sudah berkahwin. Komuniti orang Kristian seperti kumpulan pelajar ataupun kumpulan profesional, bukanlah wakil bagi sesebuah gereja. Ini disebabkan mereka terdiri daripada golongan orang yang sama dan kadang-kala dipisahkan melalui jantina. Mereka mungkin memenuhi keperluan-keperluan tertentu di dalam perjalanan kehidupan Kristian kita; namun untuk mengalami hidup komuniti yang menyeluruh, kita harus dimajmukkan ke dalam sebuah persekutuan gereja tempatan yang terdiri daripada pelbagai jenis golongan latar belakang, umur dan status.

Di dalam Matius 19:10-12, Tuhan Yesus memberikan kita tiga sebab asas mengapa ada orang yang kekal membujang. Sekumpulan orang Farisi baru sahaja mempersoalkan soal perceraian kepada Yesus. Yesus menjelaskan bahawa sejak dari awal, Allah menetapkan perkahwinan sebagai sebuah ikatan yang abadi di bumi. Tidak ada ruang bagi percubaan di dalam perkahwinan. Disebabkan oleh kekerasan hati manusia, Musa membenarkan perceraian untuk mengelakkan terjadinya penderaan rumah tangga. Yesus memberitahu mereka bahawa perceraian hanya dibenarkan di atas sebab-sebab ketidak-setiaan, bukan kerana seorang lelaki menghendaki seorang perempuan yang lain.

Murid-murid Yesus menjangkakan perkahwinan boleh membawa kepada pengalaman pahit dan bukan manis. Lalu mereka memberikan komen bahawa adalah lebih

baik untuk tidak berkahwin. Yesus kemudian mengambil peluang tersebut untuk menjelaskan sebab-sebab mengapa ada di kalangan kaum lelaki dan perempuan yang tidak ingin berkahwin.

- 1 *Kumpulan pertama* menurut Yesus ialah mereka yang hidup sebagai sida-sida sejak dari kecil. Ini mungkin disebabkan mereka dilahirkan tanpa organ seksual yang normal seperti orang lain.
- 2 *Kumpulan kedua* memilih untuk membujang kerana dijadikan sedemikian oleh orang lain. Salah satu kemungkinan ialah mereka merupakan mangsa psikologi kes rogol ataupun sebarang gangguan seksual yang lain, sehinggakan mereka tidak mampu untuk berhubung dengan jantina yang lain secara semula jadi. Rasa bersalah yang tidak bertempat dan kebingungan terhadap perkahwinan kadang-kala menghantui mereka sepanjang hidup. Ada yang terseksa daripada perkahwinan tanpa seks.

Satu contoh lain yang sangat lazim di Asia ialah anak perempuan taat yang berkorban demi menjaga adik-beradik yang lebih muda di dalam keluarga, atau untuk menjaga orang tua mereka yang semakin meningkat tua. Mereka terpaksa mengorbankan keinginan untuk berkahwin disebabkan rasa bersalah tidak bertempat yang diletakkan oleh ibu bapa yang terlalu takut ditinggal-biarkan. Di dalam kes ini, sering ada hubungan sayang-benci di antara anak perempuan tersebut dengan orang tuanya. Masing-masing terjerat di dalam kebergantungan dua hala.

Di masa lampau, peperangan juga sering menjadikan populasi perempuan lebih ramai daripada lelaki, sehingga memaksa ramai kaum perempuan menjadi tidak bersuami.

- 3 *Kumpulan ketiga* seperti yang diterangkan oleh Yesus kepada para murid-Nya ialah ada orang yang memilih jalan hidup menjadi seperti sida-sida demi untuk melayani Tuhan. Dalam buku "*Your Spiritual Gifts Can Help Your Church Grow*"<sup>5</sup>, Peter C. Wagner mendorong supaya gaya hidup membujang dan berkeluarga diterima dengan rasa syukur. Orang Kristian yang bujang akan mengalami lebih sedikit halangan di dalam penggunaan masanya bagi Tuhan namun mereka mungkin akan berasa kesunyian. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang sudah berkahwin, walaupun mereka menikmati adanya teman di dalam keluarga, mereka sering berharap untuk mampu bebas menggunakan wang, ruang dan waktu mereka sendiri.

Di dalam petikan di atas, Yesus menyimpulkan topik ini dengan kata-kata berikut: "*Dia yang mampu menerima biarlah berbuat demikian.*" Kini kita memahami bahawa Dia memberikan kita kebebasan untuk memilih kasih kurnia untuk kekal membujang ataupun memulakan rumah tangga.<sup>6</sup> Namun demikian, kita mungkin tidak akan memilih untuk kekal membujang disebabkan kepentingan diri sendiri. Alasan-alasan yang sering kita berikan di zaman moden ini adalah seperti:

- ✘ "*Saya tidak mahukan kehidupan yang huru-hara disebabkan anak-anak*"

- “Saya tidak mahu mempunyai perhubungan dengan keluarga mertua”
- “Saya lebih menyukai gaya hidup yang lebih mewah dan bebas”
- “Saya hanya mengahwini orang yang mempunyai status sosial yang boleh dipandang” (yang sebenarnya sangat mustahil!)

### Renungan:

- i. Adakah Tuhan mahu saya berkahwin?
- ii. Jika ya, siapakah pasangan saya?
- iii. Sekiranya tidak, ingatlah bahawa anda tidak kehilangan apa-apa. Binalah keintiman anda dengan Tuhan, teman yang setia kepada semua orang yang mempercayai-Nya. Dia akan terus bersama dengan anda untuk melalui semua susah senang anda.<sup>7</sup>

## 2. Hidup Berkahwin

1. Allah menjadikan perhawinan sebagai sebuah hubungan eksklusif dan berkekalan di muka bumi (*Matius 19:4-6*). Menurut pandangan kebanyakan orang Barat hari ini, hubungan seksual bersama dengan ramai pasangan bukanlah sesuatu yang baru. Budaya-budaya tradisional kadang-kala turut membiarkan kelakuan sedemikian. Allah tidak membenarkan pilihan untuk keluarga ibu tunggal dan anak (ibu tunggal yang dimaksudkan di sini bukan mereka yang telah berkahwin dan kini telah bercerai, atau mereka yang



- kematian suami, tetapi kelakuan seksual semata-mata untuk mendapatkan anak di luar ikatan perkahwinan), seks luar nikah dan hubungan di antara kaum sejenis.<sup>8</sup>
2. Hubungan di antara anak dan orang tua merupakan sebuah hubungan relatif dibandingkan dengan hubungan abadi di antara Kristus dan gereja-Nya.<sup>9</sup> Di dalam Perjanjian Baru, panggilan untuk berkahwin adalah sebuah amanat relatif, walaupun kaum lelaki di Perjanjian Lama sering didorong untuk berkahwin. Ia merupakan sebuah berkat yang besar bagi sepasang suami isteri untuk mendapatkan anak lelaki bagi meneruskan keturunan dan tanggungjawab seorang ayah. Hubungan Bapa-anak dan Penyelamat-gereja akan mendalam, tetapi hubungan-hubungan lain (seperti orang tua-anak, suami-isteri) akan pudar dibawa zaman, kerana kematian akan memisahkan kita (Lukas 14:16-26).
  3. "*Jatuh cinta*" selalunya dikaitkan dengan desakan emosi yang baik seseorang kepada individu dari jantina yang berlawanan, dengan pengalaman pendekatan secara fizikal. Ini boleh terjadi di mana-mana peringkat umur, bermula daripada berlakunya akhil baligh. Perasaan dan keinginan mungkin hanya bertepuk sebelah tangan mahupun berbalas. Oleh yang demikian, "*jatuh cinta*" bukanlah satu petanda sah bahawa orang yang anda cintai itu ialah orang yang sepatutnya anda kahwini insan. Sekiranya ini berlaku di umur muda, ia dipanggil sebagai "cinta monyet", yang menggambarkan perasaan akan berubah mengikut masa. Sewaktu umur kita meningkat dengan nilai-nilai serta tujuan hidup asas terbentuk, kita akan lebih mampu mengawal desakan perasaan sedemikian dengan lebih baik, walaupun kita tetap akan

- melakukan kesilapan sewaktu kita membiarkan diri dikawal emosi mendahului apa yang Tuhan inginkan. Ada orang dewasa yang kelihatan seperti tersekat dengan "cinta monyet" dan tidak mampu meneruskan hidup dengan membuat komitmen di dalam perkahwinan. Sekiranya episod cinta berahi tersebut membahayakan orang lain (samada kepada diri sendiri ataupun pasangan, sekiranya mereka telah berkahwin), adalah lebih baik bagi mereka untuk mendapatkan bantuan pakar.
4. Hidup berkahwin ataupun terus membujang adalah tidak penting apabila hanya penerimaan Allah yang kita pertimbangkan. Setiap orang adalah istimewa dan indah bagi-Nya. Dia mengasihi kita dengan sama rata, walaupun ada rakan-rakan kita, ahli keluarga dan masyarakat yang mungkin tidak bersetuju.

### Kenali Diri Sendiri

Sewaktu tahun 70 an, saya bertemu dengan seorang perempuan India beragama Kristian di Melbourne. Dia bekerja sebagai seorang jururawat, dengan personaliti yang girang dan disenangi orang. Saya amat ingin memahami dia, oleh itu saya bertanya sama ada dia risau akan hidup sebagai orang bujang; orang sebayanya di Australia pasti sudah lama berkahwin ketika itu. Dia menjawab, "*Bee, kakak saya pernah berkata kepada saya...*"

*"Di dalam dunia ini, ada tiga jenis manusia yang mempertimbangkan perkahwinan.*

1. *Golongan yang pertama berkata, "Saya harus berkahwin, saya harus berkahwin.. jadi, tak kisah lah siapa orangnya, janji saya dapat kahwin!"* Golongan ini

tidak cerewet atau bersikap pemilih akan siapakah pasangan hidup mereka. Asalkan mereka berkahwin, hidup mereka pasti gembira.

2. Golongan yang kedua berkata, **'Saya inginkan pasangan yang spesifik. Tapi, kalau tak jumpa orang tersebut, mereka yang serupa pun jadilah.'** Menurut kawan saya, golongan ini agak pemilih tapi tidak cerewet. Mereka juga akan berpuas hati dengan perkahwinan mereka.
3. Golongan yang ketiga pula, **'Saya mahu berkahwin, tapi hanya dengan satu jenis orang... kalau tak jumpa, bagus lagi membujang.'** Mereka sangat pemilih lagi cerewet!"

Kemudian kawan saya menyimpulkan, "Saya adalah jenis orang dari golongan yang terakhir tadi. Sebab itulah saya tak kahwin-kahwin lagi, tapi saya amat gembira!"

### **Berhenti Sejenak**

Di peringkat yang paling praktikal, orang yang ingin kita kahwini haruslah memikat mata kita. Kecantikan bergantung kepada mata seseorang. Kecantikan luaran ataupun daya tarikan bukanlah sebuah aset asas jika dibandingkan dengan kematangan dalaman. Ada yang menggunakan ciri-ciri tersebut untuk mendapatkan keingingan dan kepentingan diri sendiri - kemasyuran, wang dan pertolongan.

Dalam hal yang sangat penting ini, di mana emosi diperlukan untuk memastikan hubungan kekal lama, pertimbangan akan kebaikan dan keburukan perkahwinan

adalah lebih mudah sekiranya kita mengatur prinsip-prinsip kita sebelum emosi campur tangan. Kebanyakan di antara kita pasti sudah mempunyai prinsip-prinsip tersebut.

Walau bagaimanapun, adakah kita akan tunduk kepada prinsip-prinsip asas Allah yang telah dibincangkan tadi?

Sekiranya kita tidak pasti sama ada pasangan kita adalah insan yang tepat ataupun bukan, marilah kita berhadapan dengan ketakutan hidup membujang seumur hidup ataupun ketakutan akan mengahwini insan yang salah ini dan menyerahkan kebimbangan-kebimbangan ini kepada Tuhan. Mintalah agar Dia menunjukkan kita nilai-nilai dan keutamaan-Nya kepada kita.

Tuhan mahukan kita berjalan bersama dengan mereka yang juga adalah anak-anak-Nya, iaitu yang seiman dengan anda. Oleh itu, kita harus mengutamakan perkara ini ketika mempertimbangkan siapa orang yang ingin kita pilih. Tidak ada gunanya bertanya kehendak Tuhan kerana ia sudah ditulis dengan jelas di dalam Firman-Nya. Dan kita harus ingatkan juga bahawa jangan bermain api dengan berpacaran kemudian berniat mendirikan rumahtangga dengan mereka yang beragama Islam. Tidak ada jalan keluar selepas anda tinggalkan iman anda untuk memeluk agama Islam. Walaupun perkahwinan itu akan terkandas di tengah jalan, tidak ada jalan untuk kembali ke agama asal anda.

Sama ada insan tersebut berbangsa Cina, India mahupun yang lain-lain bukanlah isu yang utama; ia juga tidak penting sama ada orang tersebut kaya ataupun tidak,

berpendidikan mahupun sebaliknya. Semua ini adalah faktor yang memerlukan pertimbangan dan doa, namun mereka bukanlah isu-isu kemoralan.

Jika begitu, bagaimana kita menyediakan diri untuk pasangan hidup kita di masa hadapan, sekiranya kita akan berkahwin satu hari nanti?

Saya percaya bahawa perkara terbaik yang boleh kita berikan kepada suami atau isteri kita nanti bukan terdapat di bahagian luaran seperti penggunaan kosmetik, pencapaian kerjaya ataupun pengumpulan kebendaan; tetapi di bahagian persiapan hidup kita. Benarkan saya menjelaskannya...

Paulus menulis di dalam Roma 12:1-2:

*"Karena itu, saudara-saudara, demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus dan yang berkenan kepada Allah: itu adalah ibadahmu yang sejati. Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah: apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna."*

Yohanes pula menulis di dalam Wahyu 19:6-8:

*"Haleluya! Karena Tuhan, Allah kita, Yang Mahakuasa, telah menjadi raja. Marilah kita bersukacita dan bersorak-sorai, dan memuliakan Dia! Karena hari*

*perkawinan Anak Domba telah tiba, dan pengantin-Nya telah siap sedia. Dan kepadanya dikaruniakan supaya memakai kain lenan halus yang berkilau-kilauan dan yang putih bersih!"*

Sekiranya kita, sebagai pengantin perempuan Yesus, sedar bahawa kita disediakan bagi-Nya, Pengantin Lelaki kita, maka kita akan yakin hidup bersama pasti lebih senang setelah pandangan keseluruhan dan gaya hidup diubah seadanya. Saya pernah membaca sebuah buku pedoman yang menjelaskan bagaimana sesetengah manusia adalah seperti kain baldu: licin, sejuk dan sangat baik untuk dimiliki. Ada orang yang seperti kertas pasir: kasar, panas bila bergeser, menyakitkan jika didekati. Bayangkan hidup bersama pasangan seperti kain baldu dan kertas pasir. Marilah kita bermula dengan meminta kasih kurnia dan belas kasihan Tuhan agar kita tidak menjadi seperti kertas pasir.

Kita harus memperbaharui fikiran kita dengan membaca dan merenungkan Firman Tuhan. Pandangan kita terhadap Tuhan, lelaki, perempuan, kanak-kanak, ahli keluarga dan rakan-rakan, tujuan hidup, wang, perkara yang abadi dan yang fana, akan berbaris sejajar dengan Firman Tuhan.

### Latihan

1. Berdiri di hadapan cermin dan katalah kepada diri sendiri bahawa Yesus mengasihi anda seadanya. Belajarlah untuk mengasihi diri sendiri.
2. Benarkan Dia untuk melayani anda di dalam kelemahan anda melalui apapun cara yang dipilih-Nya (Yesaya 53:4-5).

## Renungan

Ambil masa untuk merenungkan, mencatat dan berdoa sewaktu masa bersendirian anda dengan Allah. Anda mungkin ingin mengongsikan dan mendoakannya bersama kemudian.

Ingatlah:

**BERPUTIKLAH DI MANA JUA,  
bujang atau berkahwin  
kerana  
ALLAH MENGASIHI ANDA  
dan menerima anda seadanya!**



### Rujukan

- 1 John White, *The Fight – A Practical Handbook of Christian Living* (IVP, 1977)
- 2 John White, *Magnificent Obsession – The Joy of Christian Commitment* (IVP, 1976; Edisi Ulangan, 1990)
- 3 Ben Alex, *Florence Nightingale* (Scandinavia Publishing House, Copenhagen, Denmark, 1996; OM Literature in USA)
- 4 Lee Bee Teik, *Behold Your Pastor* (Reconre Sdn Bhd, 2001)
- 5 Peter C. Wagner, *Your Spiritual Gifts Can Help Your Church Now* (Regal Books, GL Publications, 1979)
- 6 Ada Lum, *Single and Human* (IVP, 1976)
- 7 Douglas L. Fagerstrom, - Penyunting, *Single to Single – Daily Devotionals For Single Adults* (SP Publications Inc., 1991)
- 8 Grid, Autumn 1994 (Satu Penerbitan World Vision)
- 9 Lee Bee Teik, *Building a Love House is Hard Work* (MCARE, 1996)



